

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1998/99**

OGOS/SEPTEMBER 1998

RPK 231 - Prinsip-Prinsip Perancangan

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT** soalan: **DUA** soalan daripada **BAHAGIAN A** dan **DUA** soalan daripada **BAHAGIAN B**.

Bahagian A dan **Bahagian B** hendaklah diikat secara **BERASINGAN**.

BAHAGIAN A: (Jawab **DUA** soalan sahaja)

1. Terangkan dengan jelas:-

- (a) Apa yang diertikan dengan Perancangan Bandar dan apakah skop pengajiannya?
- (b) Apakah Objektif Utama dalam mewujudkan sebuah bandar yang 'ideal'.

(25 markah)

2. Apakah prinsip-prinsip utama yang mengasaskan perancangan bandar moden. Nyatakan dengan jelas berpandukan kepada mana-mana bandar yang anda pelajari?

(25 markah)

3. Ada beberapa pendapat yang mengatakan bahawa "Bandar-Bandar di Amerika tumbuh secara menegak (Vertical) dan di tempat-tempat lain secara mendatar (horizontal)". Yang mana lebih baik antara keduanya? Beri hujah kepada kenyataan ini.

(25 markah)

...2/-

BAHAGIAN B: (Jawab DUA soalan sahaja)

4. (a) Terdapat beberapa konsep kejiranan yang telah dibincangkan di dalam kuliah. Pilih **DUA** konsep kejiranan dan terangkan ciri-ciri utama serta perbezaan-perbezaan yang terdapat di antara mereka.
- (b) Terangkan sekurang-kurangnya **TUJUH** perbezaan di antara Pelan Struktur dan Pelan Tempatan.

(25 markah)

5. (a) Perancangan di Malaysia tertakluk kepada Akta 172 (Akta Perancangan Bandar dan Wilayah, 1976). Terangkan SECARA RINGKAS bahagian-bahagian utama yang terdapat di dalam akta ini.
- (b) “..seorang perancang adalah seorang tukang tilik..” (Dr.Bernard Clausen). Apakah pandangan anda tentang kenyataan beliau ini?

(25 markah)

6. (a) Terangkan dengan ringkas peringkat-peringkat yang terdapat di dalam penyediaan Pelan Struktur.
- (b) Terangkan secara ringkas prosidur-prosidur yang terdapat di dalam proses kelulusan pemajuan bagi sesebuah projek.

(25 markah)

-ooo00ooo-